

24 MAY 1999

Senator-Sumpah

KHALIL DAN PANDIKAR AMIN ANGKAT SUMPAH SENATOR

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Tan Sri Khalil Yaakob dan Datuk Pandikar Amin Haji Mulia hari ini mengangkat sumpah sebagai senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob.

Pada acara yang berlangsung sebelum persidangan dewan dimulakan itu, Khalil mengangkat sumpah dahulu, dan diikuti oleh Pandikar Amin.

Mereka diberi sambutan meriah oleh para anggota dewan yang menepuk meja sebaik sahaja kedua-duanya habis melafazkan sumpah jawatan masing-masing.

Pelantikan Khalil dan Pandikar Amin sebagai senator itu bagi membolehkan mereka memegang jawatan menteri seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rombakan kabinet Khamis lepas.

Khalil, 61, Menteri Besar Pahang dilantik sebagai Menteri Penerangan manakala Pandikar Amin, 46, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pelantikan kedua-duanya itu ekoran peletakan jawatan Datuk Seri Mohamed Rahmat sebagai Menteri Penerangan awal bulan ini dan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Februari lepas. Chong meletak jawatan untuk bertanding dalam pilihan raya negeri Sabah.

Rombakan itu juga menyaksikan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, menggantikan Datuk Sabbaruddin Chik yang meletak jawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Khalil turut dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno bagi menggantikan Sabbaruddin yang juga turut letak jawatan itu.

Ketika ditemui wartawan di ruang legar Parlimen, Khalil yang bukannya muka baru dalam Kerajaan Persekutuan, mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepadanya menyertai semula kabinet.

"Saya hargai pelantikan oleh Perdana Menteri yang memberi kepercayaan untuk saya berpindah ke pusat," katanya.

Khalil telah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama dua tahun mulai 14 Julai 1984 sebelum dilantik sebagai Menteri Besar Pahang yang kelapan pada 14 Ogos 1986.

"Setakat ini saya baru dilantik sebagai Senator. Jadi untuk ulasan seterusnya biarlah saya angkat sumpah (jawatan menteri) esok," katanya ketika ditanya mengenai perancangannya sebagai menteri dan juga setelah dilantik ke jawatan penting dalam parti.

Bagaimanapun apabila diajukan lagi dengan pertanyaan yang sama, Khalil berkata beliau perlu menemui dan berbincang dahulu dengan Mohamed mengenai perancangan kementerian itu.

"Saya ada idea mengenai kementerian itu tetapi saya rasa eloklah bagi saya untuk mendengar taklimat dan berbincang dahulu dengan pegawai untuk mendapat gambaran menyeluruh akan peranan kementerian itu," katanya.

Mengenai jawatan Setiausaha Agung Umno, Khalil berkata beliau akan terus menyumbangkan khidmat dalam parti seperti yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.

Ketika ditanya sama masa beliau sudah mempunyai bayangan tentang apa yang akan dilaksanakan, beliau berkata: "Adalah bayangan tu, tapi berilah masa dalam tempoh terdekat ini untuk saya lihat apa yang saya rasa patut saya laksanakan."

Beliau turut ditanya mengenai pelantikan Datuk Adnan Yaakob, anggota kanan Exco kerajaan negeri, dan bukannya Timbalan Menteri Besar Datuk Hassan Ariffin, sebagai Menteri Besar Pahang yang baru.

"Pelantikan dibuat oleh pucuk pimpinan... Saya percaya Perdana Menteri ada perkiraan tertentu dalam perkara ini. Ini memang kuasa dan hak Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu, Pandikar Amin, Presiden parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), salah satu parti komponen Barisan Nasional di Sabah, ketika ditemui berkata beliau belum diberitahu mengenai bidang tugas yang akan dilaksanakannya nanti.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas pelantikan itu dan akan berusaha melaksanakan tugas yang diberi dengan sebaik mungkin.

Beliau melihat pelantikannya itu sebagai mencerminkan politik Dr Mahathir yang memberi peluang kepada mana-mana golongan dan pihak walaupun kecil untuk memainkan peranan dalam membangunkan negara.

"Pelantikan ini bukan sahaja satu penghargaan kepada parti Akar yang kecil tetapi juga kepada rakyat Sabah," kata pemimpin masyarakat Iranun di Sabah itu.

Pada pilihan raya Sabah yang lepas Pandikar Amin bersetuju untuk tidak bertanding mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Tempasuk untuk memberi laluan kepada calon Umno yang kemudian memenangi kerusi itu.

-- BERNAMA

NZ NMO